

**NO. SOALAN : 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 14 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8573**

**SOALAN:**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan unjuran bilangan PADI dan PATI. Apakah rancangan atau langkah untuk mengatasi pelbagai masalah kerana pekerja asing.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti berikut :-**

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2013	2,250,322
2.	2014	2,073,414
3.	2015	2,135,035

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai statistik mutlak berhubung jumlah PATI atau pekerja asing haram di negara kita. Tafsiran umum bagi pekerja asing adalah mereka yang masuk melalui pintu masuk yang diwartakan yang secara sah dan mematuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan.**

**Dasar utama penggajian masih menetapkan dan mengutamakan rakyat tempatan dan kehadiran pekerja asing di negara ini hanyalah bagi mengisi jawatan-jawatan yang tidak digemari oleh rakyat tempatan terutamanya yang berunsurkan 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*).**

**Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab dalam urusan pengambilan pekerja asing. Kementerian Dalam Negeri menjadi urus setia kepada Proses Setempat untuk membuat pertimbangan dan kelulusan permohonan majikan yang ingin menggajikan pekerja asing.**

**Pihak majikan perlu memohon dan mendapatkan *Job Clearing System* (JCS) daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), sebagai sokongan kepada majikan yang memohon pekerja asing bagi memastikan kekosongan jawatan tersebut telah diiklankan dan tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan.**

**Majikan kemudiannya perlu hadir secara *walk-in* ke OSC, KDN untuk sesi temuduga dan kelulusan akan diberikan pada hari yang sama dengan mengemukakan permohonan pengambilan pekerja asing yang lengkap di OSC, KDN. Agensi Kawal Selia (AKS) sektor berkenaan akan menjalankan temuduga dengan majikan untuk meneliti permohonan tersebut. Kelulusan pengambilan pekerja asing juga adalah berdasarkan keperluan sebenar majikan dan berdasarkan syarat dan nisbah kelayakan yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia masing-masing.**

**Pihak majikan seterusnya perlu melunaskan bayaran levi berdasarkan bilangan pekerja dan sektor yang diluluskan sebelum membuat permohonan visa dengan rujukan (VDR) bagi urusan membawa masuk pekerja asing.**

**Setiap pekerja asing yang memohon visa kemasukan akan dikenakan bayaran yang berbeza mengikut negara asal iaitu dari RM425 hingga RM460 untuk mendapat visa kemasukan. Bayaran ini merangkumi kos bagi bayaran visa, saringan keselamatan Imigresen (ISC), Biomedikal dan lain-lain kos berkaitan.**

**Dari tahun 2014 hingga 2 Februari 2016, JIM telah menjalankan sebanyak 17,499 operasi dan telah memeriksa seramai 387,892 orang yang disyaki PATI dan seterusnya menangkap seramai 105,873 orang warga asing atas pelbagai kesalahan. Daripada jumlah yang ditangkap, seramai 38,224 orang PATI telah diambil tindakan mahkamah.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, antara tindakan lain yang diambil untuk menyelesaikan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia adalah dengan mengadakan operasi pengusiran melalui Program Serah Diri secara sukarela. Melalui Program Serah Diri (Kompaun 3+1) yang telah dimulakan pada 22 Julai 2014 sehingga 31 Disember 2015, seramai 283, 067 orang PATI telah menyerah diri untuk balik ke Negara asal. PATI yang menyerah diri melalui Program ini disenaraihitamkan. Ingin dimaklumkan bahawa pelaksanaan Program ini memberikan jalan keluar strategik bagi Kerajaan terutamanya dalam mengurangkan kos tanggungan Operasi Pengusiran.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Langkah proaktif terbaru Kerajaan ialah pelaksanaan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI atau Program *Rehiring* untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan permit kerja yang sah.**

**Program *Rehiring* merupakan salah satu inisitif bagi membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja.**

**Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan Majikan untuk menyertai Program *Rehiring* dan akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke Negara asal mengikut prosedur sedia ada bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam Negara.**

**Mana-mana Majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar dibawah Program *Rehiring* akan dikenakan hukuman yang berat mengikut perundangan sedia ada melibatkan kesalahan menggaji PATI.**